



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

18.08.2023

## ❖ **Perkembangan yang membingungkan dalam EA Holdings berhubung sekatan untuk menganjurkan EGM**

EA Holdings Berhad (EAH) mencuri perhatian baru-baru ini berikutan pengumumannya melabelkan mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang dianjurkan oleh pemegang saham, Ng Cheng Shin, sebagai 'rosak dan tidak sah'. EAH juga menggesa pemegang saham supaya tidak menghadiri dan mengundi pada EGM yang dijadualkan pada 22 Ogos 2023 itu.

Gesaan itu timbul daripada dua Perintah Injunksi Ad Interim yang disampaikan kepada Syarikat berhubung dua litigasi material. Berdasarkan Perintah Injunksi Ad Interim (secara kolektif disebut sebagai Perintah Injunksi Ad Interim) yang bertarikh 1 dan 2 Ogos 2023, EAH, yang dinamakan sebagai defendant dalam kedua-dua kes, dilarang daripada 'melaksanakan apa-apa hak untuk mengadakan, memanggil dan/ atau menuntut apa-apa mesyuarat agung luar biasa dan/ atau untuk meluluskan apa-apa resolusi yang berkaitan dengan Syarikat.'

Pada 25 Julai 2023, EAH mengumumkan bahawa mereka menerima Notis Khas daripada Ng, seorang anggota Syarikat yang mendakwa beliau memegang 10% atau lebih modal saham terbitan EAH, untuk memanggil supaya diadakan EGM pada 22 Ogos 2023 dengan niat untuk membentangkan 11 resolusi yang bertujuan menyingkirkan dan melantik pengarah.

Ng berusaha menyingkirkan Ketua Pegawai Eksekutif iaitu Mohammad Sobri Saad, Datuk Azahar Rasul (pengurus) serta barisan pengarah yang terdiri daripada Basir Bachik, Abdul Fattah Mohamed Yatim, Choo Seng Choon dan Wong Wan Rou daripada lembaga pengarah. Pada masa yang sama, Ng berusaha untuk melantik diri sendiri, Chin Yew Thong, Dr Adrian Foong Heng Nian dan Dr Teh Chee Chong ke dalam lembaga pengarah.

Tindakan Ng untuk menganjurkan EGM adalah menurut Seksyen 310(b) Akta Syarikat 2016. Akta tersebut menyatakan bahawa EGM boleh diadakan sama ada oleh lembaga pengarah atau mana-mana anggota syarikat yang memegang sekurang-kurangnya 10% daripada modal saham terbitan sesebuah syarikat.

### **Titik perbalahan**

Situasi semasa di EAH mungkin membingungkan para pemegang saham EAH. Menjawab sebarang pertikaian, EGM ini dianjurkan oleh Ng, pihak bebas yang melaksanakan hak beliau sebagai pemegang saham di bawah Akta Syarikat 2016.

Tambahan pula, di bawah Seksyen 311 Akta Syarikat 2016, pemegang saham yang memegang sekurang-kurangnya 10% daripada modal berbayar syarikat mungkin memerlukan pengarah mengadakan mesyuarat untuk anggota syarikat. Selaras dengan itu, pengarah hendaklah memanggil mesyuarat dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan dan mengadakan mesyuarat pada tarikh tidak lebih dari 28 hari selepas tarikh notis untuk mengadakan mesyuarat itu (rujuk Seksyen 312, Akta Syarikat 2016).

Untuk mengadakan mesyuarat yang dituntut oleh anggota, lembaga pengarah syarikat tersenarai hendaklah memikul tanggungjawab untuk mengeluarkan dan mengedarkan notis mesyuarat serta membuat semua persediaan yang diperlukan untuk mesyuarat tersebut.

### **Amaran keras**

Dalam pengumuman bertarikh 10 Ogos 2023, EAH memaklumkan para pemegang saham bahawa ‘sebarang percubaan yang berniat atau bertujuan untuk mengadakan apa-apa mesyuarat agung luar biasa atas nama syarikat adalah melanggar Perintah Injunksi Ad Interim tersebut dan mana-mana individu yang mengambil langkah sedemikian mungkin tertakluk kepada prosiding menghina mahkamah.’

Selain itu, pemegang saham digesa untuk tidak menghadiri dan mengundi dalam EGM tersebut dan EAH menganggap mana-mana resolusi yang dikatakan diluluskan dalam EGM itu sebagai batal dan tidak sah berdasarkan Perintah Injunksi Ad Interim yang disampaikan kepada Syarikat.

Oleh itu, Syarikat menyatakan ia tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang terus menimbulkan kekeliruan yang tidak diperlukan kepada anggota Syarikat dan orang awam.

### **Kesimpulan**

Hanya masa yang menentukan kesudahan terhadap isu-isu yang berlaku semasa prosiding undang-undang serta implikasinya kepada pemegang saham minoriti yang mahu menganjurkan EGM.

### **Oleh Pemantauan Korporat MSWG**

#### **Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 21 hingga 25 Ogos 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

| <b>Tarikh dan Masa</b>            | <b>Syarikat</b>                       | <b>Tinjauan ringkas</b>  |
|-----------------------------------|---------------------------------------|--|
| 21.08.23 (Isnin)<br>10.00 pagi    | Jiankun International Berhad<br>(EGM) | <p>Syarikat mencadangkan resolusi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan pengambilalihan sebidang tanah pajakan di Klebang, Melaka berkeluasan 40,469 meter persegi dengan harga RM26.00 juta secara tunai.</li> <li>- Cadangan Penempatan Persendirian sebanyak 70 juta saham baharu, mewakili kira-kira 19.42% daripada jumlah bilangan saham terbitannya, kepada Eclipse International Sdn Bhd pada harga terbitan 20 sen sesaham.</li> <li>- Cadangan penubuhan Skim Terbitan Saham (Share Issuance Scheme, SIS) sehingga 15% daripada jumlah bilangan saham yang diterbitkan untuk pengarah dan pekerja Jiankun serta anak-anak syarikatnya yang layak.</li> <li>- Cadangan Peruntukan Opsyen SIS kepada setiap ahli Lembaga Pengarah Jiankun International Bhd.</li> </ul> |
| 22.08.23 (Selasa)<br>03.00 petang | KPJ Healthcare Berhad<br>(EGM)        | KPJ Healthcare berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk pembaharuan empat perjanjian pajakan dengan Al-'Aqar Healthcare REIT ( <i>Real Estate Investment Trust</i> atau Dana Pelaburan Hartanah untuk Penjagaan Kesihatan). Perjanjian itu adalah untuk pajakan Hospital Pakar KPJ Kajang, Hospital Pakar KPJ Perdana, Hospital Pakar KPJ Sentosa KL dan Kuantan Care and Wellness Centre.   |
| 23.08.23 (Rabu)<br>10.00 pagi     | AMMB Holdings Berhad<br>(AGM)         | AMMB menyaksikan jumlah pendapatan bagi tahun kewangan 2023 meningkat sebanyak 2.5% kepada RM4.74 bilion dengan pendapatan faedah bersih ( <i>net interest income, NII</i> ) meningkat sebanyak 8.1% tahun ke tahun, didorong oleh pengembangan  |

|                                 |   |  |
|---------------------------------|---|--|
|                                 |   | margin faedah bersih ( <i>net interest margin</i> , NIM) serta pertumbuhan pinjaman yang berasas luas. Ia mencatatkan pertumbuhan pinjaman sebanyak 8.5% pada tahun kewangan 2023. Sementara itu, keuntungannya meningkat 15.47% kepada RM1.735 bilion berbanding RM1.5 bilion pada tahun sebelumnya, disebabkan peruntukan rosot nilai yang lebih rendah pada tahun kewangan dalam tinjauan.  |
| 23.08.23 (Rabu)<br>02.30 petang | Oriental Food Industries Holdings Berhad<br>(AGM) | OFI mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 25% dalam pendapatan kepada RM360 juta pada tahun kewangan 2023 berikutan jualan yang lebih tinggi daripada pasaran tempatan dan eksport. Jualan tempatan menyumbang 43% daripada jumlah pendapatan manakala bakinya sebanyak 57% diperoleh daripada jualan eksport. Sementara itu, untung sebelum cukai meningkat 2% kepada RM24.7 juta. Syarikat akan memperkenalkan produk baharu kepada pengguna tidak lama lagi di bawah nama jenama "ZESS".                    |
| 24.08.23 (Khamis)<br>08.00 pagi | Ageson Berhad<br>(CCM)                            | <p>Ageson berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk Cadangan Penyusunan Semula Dalaman yang terdiri daripada Cadangan Pertukaran Saham dan Cadangan Pemindahan Status Penyenaraian.</p> <p>Menurut Cadangan Pertukaran Saham, pemegang saham akan menerima saham Afton Berhad dan Ageson akan menjadi anak syarikat milik penuh Afton. Setelah memuktamadkan Cadangan Pertukaran Saham, Afton akan menjadi syarikat induk baharu Ageson dan mengambil alih status Ageson sebagai syarikat tersenarai.</p> |
| 24.08.23 (Khamis)<br>09.00 pagi | Ageson Berhad<br>(EGM)                            | <p>Ageson sedang cuba mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk resolusi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan Penyusunan Semula Dalaman terdiri daripada Cadangan Pertukaran Saham dan</li> </ul>   |

|                                 |  |  |
|---------------------------------|--|--|
|                                 |  | <p>Cadangan Pemindahan Status Penyenaraian. Menurut Cadangan Pertukaran Saham, pemegang saham akan menerima saham Afton Berhad dan Ageson akan menjadi anak syarikat milik penuh Afton. Selepas memuktamadkan Cadangan Pertukaran Saham, Afton akan menjadi syarikat induk baharu Ageson dan mengambil alih status Ageson sebagai syarikat tersenarai.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan penubuhan skim opsyen saham pekerja (<i>employee share option scheme, ESOS</i>) sehingga 15% daripada jumlah bilangan saham Afton yang diterbitkan untuk pengarah eksekutif dan pekerja Afton serta anak-anak syarikatnya yang layak.</li> <li>- Cadangan peruntukan opsyen ESOS kepada pengarah eksekutif Afton yang dicadangkan.</li> </ul>   |
| 24.08.23 (Khamis)<br>10.30 pagi | Hextar Technologies Solutiuons Berhad<br>(AGM) | <p>Kumpulan mencapai pertumbuhan pendapatan yang kukuh sebanyak 42.4% kepada RM48.4 juta pada tahun kewangan 2023, didorong oleh prestasi yang utuh dalam perdagangan bahan binaan dan perkhidmatan logistik.</p> <p>Bagaimanapun, untung sebelum cukainya menyusut sebanyak RM8.0 juta kepada RM3.76 juta disebabkan ketidaaan keuntungan tidak berulang serta pendapatan sewa yang merosot.</p> <p>Kumpulan mengekalkan kedudukan kewangan yang sihat, dengan wang tunai berjumlah RM21.5 juta dan nisbah semasa sebanyak 6.1 kali.</p> <p>Kumpulan secara proaktif memupuk keupayaan teknologi teras bagi tahun kewangan berakhir 2024. Meskipun mempunyai pengalaman yang terhad dalam bidang teknologi, mereka berhasrat untuk keluar daripada segmen pergudangan selepas selesai pelupusan hartaanah di Pasir Gudang dan Klang untuk membiayai usaha teknologi mereka.</p> |

|  |                                    |  |
|--|------------------------------------|--|
|  |                                    |  |
| 24.08.23 (Khamis)<br>11.00 pagi        | EUPE Corporation Berhad<br>(AGM)   | <p>Pendapatan EUPE menyusut 19.4% kepada RM202 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM223 juta pada tahun kewangan 2022. Oleh yang demikian, untung sebelum cukainya bagi tahun kewangan 2023 sedikit rendah iaitu RM37.1 juta, berbanding RM39.7 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelum ini.</p> <p>Pada masa yang sama, kedudukan hutang Kumpulan kekal rendah, menyediakan skop yang baik untuk membiayai pengambilalihan tanah serta mengembangkan lagi projek-projek Kumpulan yang sudah dirancang.</p> |
| 24.08.23 (Khamis)<br>11.00 pagi        | Eastern & Oriental Berhad<br>(AGM) | <p>E&amp;O menyaksikan pendapatannya melonjak 126.4% tahun ke tahun kepada RM318.1 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM140.5 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.</p> <p>Pendapatan yang lebih tinggi ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh segmen Hartanah dan Hospitaliti, masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak RM110.5 juta dan RM64.8 juta.</p>  |
| 24.08.23 (Khamis)<br>11.00 pagi        | YBS International Berhad<br>(AGM)  | <p>Pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan 2023 meningkat 11.8% kepada RM88.9 juta. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh jualan yang lebih tinggi daripada segmen produk kertas, yang lebih daripada mengimbangi penurunan 21.3% dalam pendapatan bagi segmen pemesinan jitu dan stamping. Sebaliknya, untung sebelum cukai merosot 40.2% kepada RM4.26 juta, terutamanya disebabkan oleh kesan produk bermargin rendah serta peningkatan kos operasi.</p>  |
| 24.08.23 (Khamis)<br>01.00 tengah hari | PNE PCB Berhad<br>(AGM)            | Kumpulan terus mencatatkan prestasi kewangan yang lemah sejak lima tahun kewangan yang lalu dengan pendapatan tidak berubah iaitu sekitar RM80 juta serta mengalami kerugian yang berterusan. Kumpulan sentiasa berusaha untuk   |

|                                 |                                     |  |
|---------------------------------|-------------------------------------|--|
|                                 |                                     | mempelbagaikan perniagaannya supaya tidak bergantung kepada sumber pendapatan tunggal. Bagaimanapun, hasrat kumpulan untuk menceburi perniagaan sarung tangan belum kelihatan kerana kumpulan masih belum mula mengilang dan menjual sarung tangan getah berikutan harga jualan purata sarung tangan yang merudum.   |
| 25.08.23 (Jumaat)<br>09.00 pagi | HHRG Berhad<br>(AGM)                | <p>Pendapatan HHRG bagi tahun kewangan 2023 meningkat 50% atau RM51.77 juta kepada RM155.27 juta, terutamanya didorong oleh pemerolehan perniagaan perabot baharu serta peningkatan jualan produk minyak bio.</p> <p>Untung selepas cukai (<i>profit after tax, PAT</i>) meningkat sekali ganda kepada RM30.01 juta disebabkan peningkatan prestasi jualan, pampasan insurans kebakaran tidak berulang serta perbelanjaan pentadbiran yang lebih tinggi daripada urus niaga tidak berulang.</p> <p>Melangkah ke hadapan, Kumpulan menjangkakan permintaan akan berkurangan untuk produk biojisim dan eksport perabotnya. Pada masa yang sama, ia juga melabur dalam kemudahan pengeluaran biokompos untuk peluasan ke pasaran baharu, menarik lebih ramai pelanggan serta menjana pendapatan tambahan.</p> |
| 25.08.23 (Jumaat)<br>10.00 pagi | Boilermech Holdings Berhad<br>(AGM) | Pendapatan Boilermech meningkat 18.8% kepada RM377.7 juta pada tahun kewangan 2023, hasil daripada permintaan yang kukuh untuk produk dan perkhidmatannya dalam semua segmen dan pasaran. Ketiga-tiga segmen itu menjana pendapatan yang memecahkan rekod pada tahun kewangan 2023. Bagaimanapun, untung sebelum cukai menyusut 18.7% kepada RM20.9 juta, terutamanya disebabkan oleh kenaikan kos operasi berikutan kenaikan harga bahan mentah, upah buruh dan kos logistik, serta kadar pertukaran asing yang turun naik.   |

|                                 |                                      |  |
|---------------------------------|--------------------------------------|--|
| 25.08.23 (Jumaat)<br>10.00 pagi | AME Elite Consortium Berhad<br>(AGM) | <p>AME mencatatkan pendapatan tertinggi berjumlah RM575.9 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM398.4 juta) dan untung sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) berjumlah RM172.9 juta (tahun kewangan 2022: RM68.9 juta).</p> <p>Peningkatan PBT yang dicatatkan pada tahun kewangan 2023 terutamanya disebabkan oleh pendapatan lain iaitu keuntungan nilai saksama ke atas harta tanah pelaburan berjumlah kira-kira RM116.3 juta.</p> |
|---------------------------------|--------------------------------------|--|

| <b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>       |   |
|---|---|
| <b>Syarikat</b>                                   | <b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>   |
| Jiankun International Berhad<br>(EGM)             | <p>Kumpulan telah menyelesaikan pengambilalihan tanah pajakan berkeluasan kira-kira 18,387 meter persegi yang terletak di Pekan Klebang Sek. II, Daerah Tengah, Melaka (yang terletak berhampiran Tanah yang berhubung Cadangan Pengambilan Tanah) daripada Cash Support Sdn Bhd dengan pertimbangan tunai berjumlah RM13.0 juta pada 29 Mac 2022. Tanah tersebut telah diperuntukkan untuk pembangunan sebuah hotel dan dua blok pangsa puri perkhidmatan 20 tingkat dan kini dalam peringkat perancangan.</p> <p>Kumpulan akan menjadi pemilik dua tanah kosong di kawasan Klebang untuk pembangunan harta tanah. Adakah ini menimbulkan risiko penumpuan kepada Kumpulan? Sila huraikan.</p> |
| AMMB Holdings Berhad<br>(AGM)                     | <p>AMMB telah melupuskan aset bukan terasnya sejak beberapa tahun lalu dan yang terbaru ialah pelupusan AmGeneral Insurance Berhad kepada Liberty Insurance Berhad pada Julai 2022.</p> <p>Pada masa ini, Bank dilaporkan sedang berbincang dengan beberapa calon yang berminat untuk melepaskan AmMetLife Insurance. Adakah cadangan pelupusan AmMetLife menandakan berakhirnya usaha pelupusan aset oleh AMMB? Adakah mana-mana aset lain yang berpotensi untuk dilupuskan pada masa hadapan?</p>   |
| Oriental Food Industries Holdings Berhad<br>(AGM) | <p>Kumpulan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 25% dalam pendapatan, berjumlah RM360 juta pada tahun kewangan 2023. Walau bagaimanapun, margin untung kasar (<i>gross profit margin</i>, GPM) menyusut daripada 17.9% pada tahun kewangan 2022 kepada 15.1% pada tahun kewangan 2023.</p> <p>a) Kategori produk manakah yang menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan pendapatan pada tahun kewangan 2023?</p>  |

|   |   |
|---|---|
|   | <p>b) Sila berikan pecahan jualan mengikut kategori produk bagi tahun kewangan 2023.</p> <p>c) Apakah yang menyebabkan penurunan ketara dalam GPM?</p> <p>d) Adakah Kumpulan menjangkakan GPM kembali pulih pada tahun kewangan 2024? Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan semula GPM?</p> <p>e) Berapakah perbelanjaan modal yang dibudgetkan bagi tahun kewangan 2023? Sila berikan pecahan perbelanjaan modal kumpulan (contohnya, loji dan mesin, kos penyelenggaraan dan lain-lain).</p>   |
| Hextar Technologies Solutiuons Berhad (AGM) | <p>1. Terdapat kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam anak syarikat berjumlah RM3.2 juta pada tahun kewangan 2023 (Amaun ini tiada pada tahun kewangan berakhir 2022) (Halaman 115, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Anak syarikat manakah yang dikaitkan dengan kerugian rosot nilai ini? Apakah yang menyebabkan lonjakan dalam kerugian rosot nilai pada tahun kewangan berakhir 2023?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat bagi memastikan kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam anak-anak syarikat tidak terus meningkat?</p> <p>2. Penghutang dagangan dan aset kontrak Syarikat yang telah tamat tempoh melebihi 91 hingga 120 hari meningkat kepada RM2.9 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 berbanding RM0.2 juta pada tahun kewangan berakhir 2022 (Halaman 130, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Melihat jumlah yang tertunggak meningkat dengan ketara, apakah kesukaran yang dihadapi oleh Syarikat untuk mengutip penghutang dagangan yang lampau tempoh melebihi 91 hingga 120 hari?</p> <p>b) Siapakah pelanggan yang dimaksudkan, yang terangkum dalam kategori ini (lampau tempoh 91 hingga 120 hari) daripada penghutang dagangan Syarikat pada tahun kewangan berakhir 2023 dan apakah profil mereka?</p> |
| EUPE Corporation Berhad (AGM)               | <p>Pendapatan Kumpulan menyusut 19.4% atau sebanyak RM21 juta kepada RM202 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM223 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Bagaimanapun, perbelanjaan pentadbiran Kumpulan meningkat 36.2% atau RM5.9 juta kepada RM22.2 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM16.3 juta pada tahun kewangan 2022.</p>  |

|                                    |  |
|------------------------------------|--|
|                                    | <p>a) Mengapakah perbelanjaan pentadbiran Kumpulan meningkat dengan ketara walaupun pendapatan berkurangan?</p> <p>b) Sila nyatakan perbelanjaan pentadbiran yang meningkat dengan ketara pada tahun kewangan 2023 berbanding tahun kewangan 2022.</p> <p>c) Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk mengurus kenaikan perbelanjaan pentadbiran pada tahun kewangan 2024?</p>  |
| Eastern & Oriental Berhad<br>(AGM) | <p>Keputusan kewangan Kumpulan bagi tahun kewangan 2023 terjejas akibat kos pembangunan harta tanah yang diturunkan nilai sebanyak RM135.3 juta. (Halaman 123, Laporan Tahunan).</p> <p>Kos pembangunan yang diturunkan nilai adalah berkaitan harta tanah kediaman dan komersial di United Kingdom.</p> <p>a) Sila berikan nama dan nilai harta tanah kediaman dan komersil yang telah diturunkan nilai.</p> <p>b) Apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan risiko penurunan nilai selanjutnya bagi kos pembangunan harta tanah ini?</p>   |
| YBS International Berhad<br>(AGM)  | <p>Peningkatan sebanyak RM18.08 juta dalam pinjaman adalah disebabkan oleh pengubahaui dan penambahan projek pembinaan kilang. (Halaman 13, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Berapakah jumlah ruang lantai dan kadar penggunaan semasa bagi kilang pembuatan baharu di Taman Sains Pulau Pinang?</p> <p>b) Berapakah jumlah perbelanjaan modal untuk kilang ini?</p> <p>c) Bilakah Kumpulan menjangkakan kilang ini dapat beroperasi pada kapasiti penuh? Berapakah potensi pendapatan jika kilang ini beroperasi pada kapasiti penuh?</p>  |
| PNE PCB Berhad<br>(AGM)            | <p>1. Kerugian rosot nilai ke atas harta tanah, loji dan peralatan berjumlah RM4,880,210 pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: Tiada). (Lihat Halaman 84, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Apakah yang mencetuskan kerugian rosot nilai ini? Apakah kebarangkalian berlaku pertambahan rosot nilai atau pembalikan pada tahun kewangan 2024?</p> <p>2. Jumlah yuran yang dibelanjakan untuk fungsi audit dalam Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2023 ialah RM14,900.00. (Halaman 28, Laporan Tahunan 2023). Isu yuran audit dalam yang rendah ini pernah diketengahkan tahun lepas.</p> |

|                                      |  |
|--------------------------------------|--|
|                                      | <p>Melihat jumlahnya yang kecil (kira-kira RM1,200 sebulan), adakah Lembaga Pengarah dan jawatankuasa Audit berpuas hati bahawa fungsi audit dalam dapat memberikan jaminan yang diperlukan? Apakah bidang yang diaudit dan berapakah jumlah laporan yang dikeluarkan sepanjang tahun kewangan?</p>  |
| HHRG Berhad<br>(AGM)                 | <p>Kumpulan sedang giat mengembangkan segmen perniagaan biojisimnya dengan melabur dalam kemudahan pengeluaran biokompos hiliran. Langkah strategik ini bertujuan menerokai pasaran baharu, meluaskan pangkalan pelanggan serta menjana pendapatan tambahan untuk suku tahun akan datang (Halaman 12, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bagaimanakah pandangan Kumpulan tentang garis masa untuk pembangunan dan operasi kemudahan pengeluaran biokompos? Apakah pasaran yang disasarkan? Bilakah kita boleh menjangka untuk melihat hasilnya yang dapat menyumbang kepada aliran pendapatan Kumpulan?</li> <li>b) Melihat landskap yang kompetitif dan potensi cabaran dalam pasaran biokompos, apakah strategi yang dirangka oleh Kumpulan untuk mewujudkan kelebihan daya saing, seterusnya menguasai bahagian penting dalam pasaran ini?</li> </ul> |
| Boilermech Holdings Berhad<br>(AGM)  | <p>Untung sebelum cukai bagi tahun kewangan 2023 untuk segmen Tenaga Suria mencatatkan penurunan 44% kepada RM1.4 juta, meskipun pendapatan meningkat 9.9% kepada RM37.7 juta. (Halaman 23, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Apakah punca penurunan ketara dalam PBT? Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan margin keuntungan bagi segmen ini?</li> <li>b) Berapakah nilai buku pesanan semasa yang tertunggak untuk segmen Tenaga Suria?</li> <li>c) Adakah segmen ini aktif menyertai tender untuk mananya projek kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pengoperasian (<i>engineering, procurement, construction and commissioning, EPCC</i>)? Jika ya, berapakah nilai buku tender semasa?</li> </ul>  |
| AME Elite Consortium Berhad<br>(AGM) | <p><u>Segmen Perkhidmatan Kejuruteraan dan Pembinaan</u></p> <p>Untung sebelum cukai (<i>profit before tax, PBT</i>) segmen menyusut kepada RM10.3 juta daripada RM17.3 juta pada tahun kewangan 2022 disebabkan oleh perubahan dalam campuran dan margin projek (Halaman 17, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Dari sudut kontrak baharu, segmen tersebut memperoleh kontrak pembinaan bernilai RM10.2 juta dan kontrak</p>   |

|  |   |
|--|---|
|  | <p>kejuruteraan bernilai RM100.9 juta pada tahun kewangan 2023. Jumlah ini lebih rendah berbanding tahun kewangan sebelumnya iaitu RM442.6 juta (Halaman 16, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Apakah tahap kemajuan projek sedia ada segmen tersebut?</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan perubahan dalam campuran dan margin projek? Bagaimanakah prospek margin pada tahun kewangan 2024?</p> <p>c) Memandangkan kontrak yang diperoleh pada tahun kewangan 2023 adalah lebih rendah berbanding tahun kewangan sebelumnya, adakah segmen ini menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kontrak baharu? Jika ya, apakah tindakan yang diambil untuk menangani situasi ini?</p> <p>d) Berapakah jumlah buku pesanan terkini dan penambahan buku pesanan yang disasarkan untuk kedua-dua segmen itu pada tahun kewangan 2024?</p> |
|--|---|

#### **PEMANTAUAN CORPORAT MSWG**

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika iaanya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya

*mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*